



PELAN STRATEGIK

MAJLIS PERBANDARAN KULAI

2021 - 2025





Perutusan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai




Bismillahirahmanirrahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur hanya untuk Allah S.W.T serta selawat dan salam buat Nabi Junjungan Muhammad SAW, Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kulai Tahun (PS MPKu) 2021-2025 dapat disiapkan. Misi ini penting kerana menerusi PS MPKu 2021-2025, MPKu sepanjang tempoh 5 tahun mendatang ini akan dipandu serta dipantau untuk mengutamakan pembangunan sosial, ekonomi, kelestarian alam sekitar demi kesejahteraan dan kemakmuran penduduknya.

Selain itu, Pelan Strategik 2021-2025 juga bertujuan memelihara jati diri warga kerja MPKu dapat terus bertahan walaupun berdepan cabaran pembangunan pesat. Ini kerana moto MPKu mewujudkan bandaraya mampan, selamat, bahagia dan lestari.Justeru itu saya menyeru semua warga kerja MPKu supaya bersama-sama menjayakan PS MPKu 2021-2025, sebuah pelan komprehensif yang digubal dengan pelbagai teras strategik ke arah pembentukan sebuah lagi bandaraya di Negeri Johor.

Pada masa sama, Pelan Strategik MPKu 2021-2025 juga meletakkan fokus dalam usaha memperkasa tadbir urus kerajaan selain memberi penekanan terhadap teras strategik kesihatan persekitaran dan kelestarian alam sekitar, pemerkasaan penyediaan jaringan sistem pengangkutan dan infrastruktur awam, kesejahteraan sosial dan penguatkuasaan undang-undang.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak, khususnya pasukan perunding dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Mudah-mudahan usaha kita memacu pertumbuhan ekonomi dan mensejahterakan serta memakmurkan penduduk dalam pentadbiran MPKu beroleh rahmat dan keredaan Allah SWT, Insya-Allah.



**HAJI NATAZHA BIN HARISS
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KULAI**



Kata-kata Aluan Setiausaha Perbandaran Kulai

Bismillahirrahmanirrahim Assalamuaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur hanya untuk Allah S.W.T serta selawat dan salam buat Nabi Junjungan Muhammad SAW .

Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kulai Tahun (PS MPKu) 2021-2025 digariskan dengan berpandukan 6 Teras Strategik. Gagasan idea Pelan Strategik 2021-2025 akan bertindak sebagai dasar induk untuk dilaksanakan secara strategik oleh semua jabatan dalam MPKu bagi membangunkan Johor sebagai sebuah negeri yang berdaya saing dan membawa Bangsa Johor ke arah pemikiran kelas pertama.

Justeru itu saya ingin mengajak semua warga kerja MPKu agar terus menggembungkan tenaga dan komitmen bagi menjayakan Pelan Strategik MPKu 2021-2025 sebagaimana yang telah dirancangkan oleh ketua-ketua jabatan MPKu dalam membangunkan setiap kawasan pentadbiran MPKu secara menyeluruh.

Menerusi Pelan Strategik 2021-2025 juga, sistem pentadbiran MPKu akan terus ditambah baik bagi menghasilkan persekitaran yang kondusif bagi penduduknya apabila berurus di MPKu. Penerapan perkhidmatan berasaskan teknologi maklumat juga akan diperluaskan bagi memudahkan penyampaian kerajaan.

Akhir kata, marilah kita sama-sama memanjatkan doa kepada Allah SWT agar MPKu sentiasa menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan maju, selain penduduknya hidup bahagia bersatu padu.

**HAJAH AZRA BINTI MOHAMMED
SETIAUSAHA
MAJLIS PERBANDARAN KULAI**



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pembangunan Pelan Strategik MPKu 2021-2025 ini merupakan *blueprint* yang dibangunkan selaras dengan Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 merupakan dokumen rujukan induk bagi tujuan perancangan pembangunan Daerah Kulai meliputi aspek ekonomi dan juga sosial. Ianya disediakan dengan meneliti serta merangkumkan pelbagai dasar-dasar dan pelan pembangunan utama di peringkat nasional mahupun negeri.


Dengan penyediaan dokumen Pelan Strategik MPKu 2021-2025, ianya akan menjadi panduan bagi setiap jabatan dan pihak-pihak berkenaan dalam merealisasikan strategi pembangunan yang dirangka secara berkesan khususnya di dalam menghadapi situasi yang mencabar ini.

Pelan Strategik Pelan Strategik MPKu 2021-2025 ini juga merupakan asas rujukan kepada ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan dalam menyediakan sasaran kerja tahunan dan belanjawan bagi tempoh lima tahun akan datang iaitu 2021 sehingga 2025 untuk mencapai visi, misi dan objektif Majlis.

Pelan Strategik MPKu 2021-2025 turut mengambil kira aspirasi kerajaan negeri yang memastikan ekonomi negeri berdaya tahan demi kemakmuran rakyat Johor antaranya dengan transformasi terhadap inisiatif digital, meningkatkan kerjasama serantau bagi mempromosi negeri Johor di peringkat antarabangsa.



MAJLIS PERBANDARAN KULAI



LATAR BELAKANG
ORGANISASI



CARTA ORGANISASI



FUNGSI

Scan QR Code untuk mendapatkan maklumat di website MPKU.

PUNCA KUASA

- Majlis Perbandaran Kulai di tubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Akta ini digubal bertujuan untuk memperincikan mengenai penubuhan, peranan, perjalanan dan kuasa berhubung dengan kerajaan tempatan seperti yang telah diperuntukan oleh undang-undang.
- Ia berfungsi sebagai akta penting bagi pembentukan sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Perbandaran Kulai.
- Ia mengawal segala urusan dan perjalanan pentadbiran Majlis, menentukan mengenai bidang kuasa dan tindakan penguatkuasaan, menggubal undang-undang kecil, menjelaskan mengenai punca-punca hasil dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Ia bagi menjamin dan memastikan kehidupan masyarakat setempat berada dalam keadaan yang kondusif.





VISI


Menjadikan MPKU
perbandaran pintar,
mampan dan sejahtera

MOTO

*Bandaraya Mampan,
Selamat, Bahagia dan
Lestari.*

MISI

Komited dalam memberikan
perkhidmatan perbandaran
yang efektif berpacukan
teknologi digital kepada
pemegang taruh ke arah
Bandaraya Mampan,
Selamat, Bahagia dan
Lestari





NILAI-NILAI ORGANISASI



**KEPUASAN
PELANGGAN**



**KERJA
BERPASUKAN**



**BERORIENTA
SIKAN
PRESTASI**



**HORMAT-
MENGHORMATI**



PIAGAM PELANGGAN

1. BERUSAHA

Kami berusaha untuk membangunkan kemudahan serta persekitaran yang bersih, indah, dan ceria kepada semua

2. MENEGAKKAN

Kami akan menegakkan kedaulatan undang-undang dan memastikan pelaksanaan dijalankan dengan cekap, berhemah dan berintegriti.

3. MELAKSANAKAN

Kami akan melaksanakan penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan dengan baik, cekap dan cepat.

4. MEMBERIKAN

Kami akan memberikan perkhidmatan dalam jangkamaa yang berikut :

4 (A) Aduan & Khidmat Perbandaran

- Mengambil tindakan / pemantauan bagi:
- Aduan Awam berstatus SERTA MERTA (24 jam)
- Aduan Awam berstatus SEGERA (6 hari)
- Melaksanakan Kerja-kerja Pencantasan, Penebangan Pokok Merbahaya, Pembersihan Pokok Tumbang Atau Sekah Sebaik Sahaja Maklumat Diterima.
- Memastikan Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal Bagi Kawasan Kediaman / Kedai Diberikan Sebaik Sahaja CCC / CFO Dikeluarkan.
- Memastikan Perkhidmatan Pembersihan Potong Rumput Dan Pembersihan Parit Diberikan Sebaik Sahaja CCC / CFO Dikeluarkan.
- Menjalankan Operasi Kawalan Anjing Liar 5 Kali Seminggu
- Menjalankan Kerja-kerja Kawalan Vector Sembur Kabus (*Fogging*) Dalam Tempoh 7 Hari Selepas Aduan Diterima.

PIAGAM PELANGGAN

5. KEPUTUSAN

Kami akan memberikan keputusan atas permohonan dalam jangkamasa yang ditetapkan dengan syarat dokumen lengkap dikemukakan

4 (B) Khidmat Penilaian Cukai Harta

Bil cukai harta setengah tahun pertama dan setengah tahun kedua diserahkan pada atau sebelum 15 Januari dan 15 Julai tahun berkenaan

4 (C) Khidmat Pelesenan Dan Perniagaan

Notis pembaharuan lesen diserahkan pada akhir tahun atau sebelum 31 Januari setiap tahun.

5 (A) Proses Pemajuan Struktur

- i. Pelan bagi projek perumahan / kilang / rumah sesebuah (45 hari)
- ii. Ubah tambahan dan pelan pindaan (kurang 500kp) (30 hari)
- iii. Permit sementara (awning, khemah, tutup jalan) (14 hari)

5 (B) Proses Pengeluar Lesen-lesen Awam:

- i. Lesen perniagaan, iklan premis tidak berisiko (1hari)
- ii. Lesen perniagaan, iklan premis berisiko (60hari)
- iii. Pelbagai proses lesen lain :
 - Lesen Sementara Perniagaan (1 jam)
 - Lesen Pasar Malam (60 hari)
 - Lesen Sementara Pasar Malam (21 hari)
 - Permohonan sewa dan lesen Pasar Awam (60hari)
 - Permohonan sewa dan lesen Gerai (90 hari)
 - Lesen Sementara Penjaja (14hari)
 - Lesen EXPO/bazar/musim perayaan/funfair (7hari)
 - Lesen Anjing (30 minit)

PIAGAM PELANGGAN

5 (C) Proses Pengurusan Nilaian Dan Harta Benda:

- Penyewaan dewan (serta-merta/3 hari)
- Pindahan Milik Individu (Borang I dan Borang J) (30 hari)

5 (D) Proses Perancangan Pembangunan Dan Khidmat Setempat:

- Penyediaan ulasan pertimbangan bagi permohonan Kebenaran Merancang (14hari)
- Kelulusan bagi semua Permohonan Cadangan Pemajuan – mengikut piagam yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

POTENSI DAN KEKUATAN

DAERAH KULAI

Berpotensi menarik pelaburan berimpak tinggi. Lokasi berdekatan dengan Singapura mampu merancakkan ekonomi domestik



Kedudukan strategik daerah Kulai yang mempunyai jaringan pengangkutan dan ketersampaian yang baik.



01. Kedudukan Strategik

02. Infrastruktur- Infostruktur Tersedia

03. Rantaian Nilaian Berpotensi

04. Jaringan Pengangkutan dan Ketersampaian yang baik

Pembangunan bersepadu dan terancang di Wilayah Iskandar Malaysia memberi manfaat kepada daerah Kulai.

Berdekatkan dengan institusi pengajian tinggi.



Mempunyai rantaian nilai yang berpotensi dimajukan dalam industri perkilangan dan bioteknologi.



KERANGKA TERAS



TERAS 1: KESIHATAN PERSEKITARAN & KELESTARIAN ALAM SEKITAR

PENGENALAN:

Kesihatan Persekitaran dan Kelestarian Alam Sekitar merupakan aspek utama dalam sesbuah perbandaran demi keselesaan penduduk sekitarnya. Ia bertujuan untuk memastikan tahap kesihatan awam yang baik dan merealisasikan kelestarian alam sekitar demi meningkatkan tahap Kesihatan, Kesejahteraan dan Taraf Hidup Masyarakat selaras dengan Visi dan Misi Majlis Perbandaran Kulai.

OBJEKTIF:

1. Mengawal Pencemaran Alam Sekitar
2. Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Sisa
3. Menggalakkan Inisiatif Rendah Karbon
4. Pemberdayaan Lanskap dan Kawasan Rekreasi
5. Pengurusan dan Pentadbiran Sumber Alam yang Cekap

TERAS 1: KESIHATAN PERSEKITARAN & KELESTARIAN ALAM SEKITAR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB *peneraju utama | TEMPOH | | |
|---|---|-----------|--|--------------------|------------------------|-------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG |
| MENGAWAL PENCEMARAN ALAM SEKITAR: Undang-Undang dan Penguatkuasaan ISO untuk penguatkuasaan undang-undang | 1. Mewujudkan 1 Unit Tindakan Sungai (UTS) | 2-3 tahun | Jabatan Penguatkuasaan Jabatan Pelesenan Bahagian Perancang Bandar | | X | |
| | 2. Penubuhan Unit Khas Gerak pantas aduan berkaitan sungai | 2-3 tahun | Jabatan Penguatkuasaan Jabatan Pelesenan Bahagian Perancang Bandar | | X | |
| | 3. Menyediakan takwim pemeriksaan bersama JAS dan agensi teknikal yang lain | 2-3 tahun | Jabatan Penguatkuasaan Jabatan Pelesenan Bahagian Perancang Bandar | | X | |
| | 4. Mewujudkan inventori/data/simpanan maklumat berkaitan industri berisiko terhadap pencemaran (terutamanya Pencemaran effluent) bagi sepanjang Sungai Skudai dengan kerjasama JAS (sekiranya inventori dapat diwujudkan, maka tindakan pantas dapat diambil) | 2-3 tahun | Jabatan Penguatkuasaan Jabatan Pelesenan Bahagian Perancang Bandar | | X | |

TERAS 1: KESIHATAN PERSEKITARAN & KELESTARIAN ALAM SEKITAR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB <i>*peneraju utama</i> | TEMPOH | | |
|---|--|----------------|---|--------------------|------------------------|-------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG |
| Memperkasakan sistem penilaian bangunan hijau : | Tindakan pemantauan berkala pemeriksaan premis bersama agensi teknikal bagi pembaharuan lesen. | 2 kali setahun | JKA Jabatan Pelesenan | | X | |
| | Enggalakkan penggunaan sistem penilaian, alat penarafan dan pensijilan bangunan hijau sedia ada. | 2 kali setahun | JKA Jabatan Pelesenan | | X | |

TERAS 1: KESIHATAN PERSEKITARAN & KELESTARIAN ALAM SEKITAR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB *peneraju utama | TEMPOH | | |
|---|---|-------------------|--|--------------------|------------------------|-------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG |
| Penglibatan Komuniti Pengurusan Bencana Alam | a) SOP untuk pengurusan bencana alam b) Penubuhan jawatankuasa pengurusan bencana alam di peringkat PBT c) tenaga kerja d) peralatan | | JKP | X | | |
| Pengurusan sisa pepejal: Program Kitar Semula dan pengasingan sisa pepejal : Mempromosikan program/kempen kitar semula di peringkat komuniti. | Kempen kesedaran melalui program gerak tumpu dan gotong-royong COMBI. | Sepanjang tahun | JKA | | X | |
| | Edaran risalah dan notis pemberitahuan. | Sepanjang setahun | JKA | | X | |
| | Mempergiatkan aktiviti kitar semula melalui media sosial "Facebook Group". | Sepanjang tahun | JKA | | X | |

TERAS 1: KESIHATAN PERSEKITARAN & KELESTARIAN ALAM SEKITAR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB *peneraju utama | TEMPOH | | |
|---|---|--|--|--------------------|------------------------|---------------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG (>3 thn) |
| MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN SISA Pengurusan sisa pepejal: Pelaksanaan pengkomposan sisa pepejal. Melaksanakan inisiatif pengkomposan sisa landskap. | 1. Mengadakan tapak pengkomposan sisa landskap di Hutan Bandar MPKu. | 1 tapak dikhaskan untuk tapak pengkomposan sisa. | Bahagian Landskap & Jabatan Pembangunan Masyarakat | | X | |
| | 2. Memperuntukkan bajet tahunan dan tenaga kerja yang khusus. | Dalam tindakan cadangan. | Bahagian Landskap & Jabatan Pembangunan Masyarakat | | X | |
| | 3. Menjalankan aktiviti secara berterusan dan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelancongan Dan Alam Sekitar. | Sepanjang tahun | Bahagian Landskap & Jabatan Pembangunan Masyarakat | | X | |
| Pengurusan sisa pepejal: Penggunaan sistem aduansisa.my | Meneruskan penggunaan sistem aduansisa.my. | Sepanjang tahun | JKA | X | | |

TERAS 1: KESIHATAN PERSEKITARAN & KELESTARIAN ALAM SEKITAR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB <i>*peneraju utama</i> | TEMPOH | | |
|--|--|-----------------|---|--------------------|------------------------|---------------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG (>3 thn) |
| Pengurusan sisa pepejal: Program Kitar Semula dan pengasingan sisa pepejal. Mempromosikan program/kempen kitar semula di peringkat komuniti. | 1. Kempen kesedaran melalui program gerak tumpu dan gotong-royong COMBI. | Sepanjang Tahun | JKA | | X | |
| | 2. Edaran risalah dan notis pemberitahuan. | Sepanjang tahun | JKA | | X | |
| | 3. Mempergiatkan aktiviti kitar semula melalui media sosial "Facebook Group". | Sepanjang Tahun | JKA | | X | |
| Mempergiat promosi Program GAIA. | 1. Pelancaran (KICK-OFF) GAIA setiap tahun. | Setiap tahun | JKA Perlesenan | X | | |
| | 2. Hebahan dan jemputan penyertaan Program GAIA di kalangan premis industri dan komersial. | Setiap tahun | JKA Perlesenan | X | | |
| | 3. Pengiktirafan kepada semua peserta. | Setiap program | JKA Perlesenan | X | | |

TERAS 1: KESIHATAN PERSEKITARAN & KELESTARIAN ALAM SEKITAR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB <i>*peneraju utama</i> | TEMPOH | | |
|---|---|--------------------------------|---|--------------------|------------------------|-------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG |
| MENGGALAKKAN INISIATIF RENDAH KARBON Melaksanakan Program BEMRS | 1. Menyediakan garis panduan BEMRS MPKu. | Setiap kali program dijalankan | JKA Pelesenan | | X | |
| | 2. Hebahan dan kempen berkenaan BEMRS. | Setiap kali program dijalankan | JKA Pelesenan | | X | |
| | 3. Pemeriksaan dan penilaian berdasarkan kriteria BEMRS. | Setiap kali program dijalankan | JKA Pelesenan | | X | |
| Inisiatif retrofitting di bangunan kerajaan, komersial dan kilang. | 1. Mempromosikan permohonan geran audit tenaga (SEDA) di kalangan premis komersial dan industri. | Dalam Perancangan | JKA Kejuruteraan | | X | |
| | 2. Melaksanakan audit tenaga di bangunan MPKu dan menggalakkan pelaksanaannya di premis komersial dan industri. | Dalam Perancangan | JKA Kejuruteraan | | X | |
| | 3. Melaksanakan retrofitting di bangunan MPKu. | Dalam Perancangan | JKA Kejuruteraan | | X | |

TERAS 1: KESIHATAN PERSEKITARAN & KELESTARIAN ALAM SEKITAR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJA WAB *peneraju utama | TEMPOH | | |
|--|--|----------------------|--|--------------------|------------------------|---------------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG (>3 thn) |
| MENGGALAKKAN INISIATIF RENDAH KARBON Inisiatif solar energy di bangunan kerajaan, komersial dan kilang. | 1. Mengadakan kempen bagi menggalakkan pelaksanaan <i>retrofitting</i> dan pemasangan solar panel. | Setiap tahun | JKA Kejuruteraan | | X | |
| | 2. Memohon bajet bagi tujuan pemasangan solar panel di MPKu. | Dalam Perancangan | JKA Kejuruteraan | | X | |
| Kajian Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Iskandar Malaysia 2030 (Low Carbon Society Blueprint for Iskandar Malaysia 2030 – Climate Action Plan) dengan kerjasama IRDA | | | BPB | | X | X |
| Penyertaan Kulai di dalam Low Carbon City Action Challenge (LCCA) | 1. Penyertaan bagi tahun bermula 2023 | 1 penyertaan setahun | BPB | | X | |
| | 2. Berdaftar dan mendapat pengiktirafan sebagai bandar rendah karbon oleh MGTC dan SEDA. | 1 penyertaan setahun | BPB | | X | |

TERAS 1: KESIHATAN PERSEKITARAN & KELESTARIAN ALAM SEKITAR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB <i>*peneraju utama</i> | TEMPOH | | |
|---|--|--|--|--|------------------------|-------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG |
| PEMBERDAYAAN LANDSKAP DAN KAWASAN REKREASI | Penyediaan Pelan Induk Lanskap dan Garis Panduan Penyediaan 2030 | Panduan pembangunan Infra lanskap secara terancang, sasaran sekurangnya 75% sebelum 2030 | Bahagian Lanskap | 5-10 tahun | X | X |
| | Perancangan dan Pengurusan Lanskap | Perwujudan Rakan Taman yang mengurus atau mewujudkan kebun komuniti yang berdaftar dengan Jabatan Lanskap Negara | 5 - 10 Rakan Taman berdaftar/ Kebun Komuniti sehingga 2025 # 1-3 tahun sasaran untuk taman sedia ada # 4-5 tahun sasaran untuk taman baharu | Bahagian Lanskap & Bahagian Perancangan Bandar | X | X |

TERAS 1: KESIHATAN PERSEKITARAN & KELESTARIAN ALAM SEKITAR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB <small>*peneraju utama</small> | TEMPOH | | |
|--|--|---|---|--------------------|------------------------|---------------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG (>3 thn) |
| PEMBERDAYAAN LANDSKAP DAN KAWASAN REKREASI | Penyelenggaraan komprehensif dan Pembangunan Fizikal Hutan Bandar MPKu | <p>Penyelenggaraan dan Menaiktaraf Hutan Bandar MPKu bagi fasa seterusnya dengan elemen Pembangunan Kemudahan Awam dan Lanskap serta perancangan pengisian program.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menggerakkan peranan Jawatankuasa Pengurusan Hutan Bandar MPKu. 2. Mewujudkan dan Menyusun takwim program penglibatan awam dan komuniti. 3. Menggalakkan Penyewaan atau program pihak luaran untuk kolaborasi bersama MPKu. (seperti sukan extreme, jambori, aktiviti gaya hidup sihat & sebagainya) 4. Menjayakan kempen-kempen kesedaran seperti penjagaan alam sekitar dan kesihatan umum. 5. Mewujudkan hub-hub baru di dalam elemen hutan bandar (seperti kebun buah-buahan / extreme park) 6. Penyelenggaraan lanskap yang komprehensif di Hutan Bandar MPKu | Bahagian Lanskap & Jabatan Kejuruteraan | X | X | X |

TERAS 1: KESIHATAN PERSEKITARAN & KELESTARIAN ALAM SEKITAR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB *peneraju utama | TEMPOH | | |
|--|---|--|---|--------------------|------------------------|-------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG |
| Pemberdayaan Lanskap Dan Kawasan Rekreasi | Menaiktaraf jalan protokol (Sempadan MBIP hingga Airport Senai) | Menaiktaraf landskap, perabot jalan & Lampu dekoratif di Pekan Senai dan Jalan Airport <ul style="list-style-type: none"> 1. Penukaran lampu jalan kepada LED 2. Penukaran tiang lampu dekoratif kepada rekabentuk baharu 3. Menambah Baik infrastruktur dan perabot jalan 4. Menaiktaraf dan penyelenggaraan pokok tedyuan dan bunga-bungaan landskap di sepanjang jalan. | Bahagian Lanskap & Jabatan Kejuruteraan | X | X | |
| | Membina dan Menaiktaraf landskap lembut dan kejur di kawasan MPKu | Merekabentuk identiti landskap di gerbang masuk MPKu, persimpangan bulatan, sempadan Daerah dan kawasan-kawasan tumpuan umum. <ul style="list-style-type: none"> 1. Rekabentuk tiang Lampu dekoratif identiti Kulai Johor. 2. Rekabentuk jejantas berkonsepkan Kapal Terbang. 3. Rekabentuk pondok bas bercirikan ‘Aircraft’ 4. Penanaman “Annual Flower” atau pokok renek di kawasan tumpuan umum. | Bahagian Lanskap & Jabatan Kejuruteraan | | X | |

TERAS 1: KESIHATAN PERSEKITARAN & KELESTARIAN ALAM SEKITAR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB <small>*peneraju utama</small> | TEMPOH | | |
|--|--|--|---|--------------------|------------------------|-------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG |
| Pengurusan Dan Pentadbiran Sumber Alam | Pewartaan Kawasan lapang | <ul style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan semakan inventori tahunan kawasan lapang 2. Membuat permohonan warta kawasan lapang secara tahunan 3. Mewujudkan Prosedur mengikut ISO bagi pewartaan kawasan lapang | Bahagian Perancangan Bandar | X | X | |
| | Memperluas guna @Pembangunan sistem dan perisian GIS (GeoPASS) Fasa 2 kepada web base dan jabatan teknikal dalaman | <ul style="list-style-type: none"> 1. Memuat naik sistem kepada web base. 2. Perkongsian penggunaan sistem kepada jabatan teknikal dalam berkepentingan | Bahagian Perancangan Bandar | | X | X |



TERAS 2 : PENYEDIAAN JARINGAN SISTEM PENGANGKUTAN DAN INFRASTRUKTUR

Pengenalan

Tumpuan teras dua adalah usaha untuk menjadikan Kulai sebagai daerah lestari alam sekitar melalui pengurangan pencemaran karbon. Teras ini juga dapat merancang strategi untuk meningkatkan keupayaan, kecekapan dan produktiviti sektor pengangkutan barang dan perkhidmatan serta mewujudkan ekosistem pengangkutan melalui perancangan kemudahan jaringan jalan raya dan infrastruktur. Pelaksanaan teras dua mampu merancang strategi yang bertujuan untuk mencapai tahap perkhidmatan pengangkutan dan infrastruktur berkualiti tinggi yang bersesuaian dengan keperluan komuniti pada masa kini dan masa hadapan.

Objektif Teras 2

- ❖ Mengurangkan kelengahan perjalanan.
- ❖ Menggalakkan mobiliti hijau dan aktif.
- ❖ Memperkasa pengangkutan dan infrastruktur awam.
- ❖ Memacu mobiliti pintar.
- ❖ Meningkatkan keupayaan dan kecekapan infrastruktur pengangkutan barang.
- ❖ Melaksanakan sistem pengangkutan barang bandar yang efisien dan hijau.

TERAS 2 : PENYEDIAAN JARINGAN SISTEM PENGANGKUTAN DAN INFRASTRUKTUR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB <small>*peneraju utama</small> | TEMPOH | | |
|--|---|--|---|--------------------|------------------------|-------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG |
| 1. Pengurusan Lalulintas Dan Tempat Letak Kereta Serta Respon Aduan Pengguna Jalan Raya. | Pelaksanaan program berdasarkan kepada cadangan projek MPKu dan syarat ke atas pembangunan di pihak pemaju. | <p>Mengurangkan kesesakan dan kelengahan perjalanan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membina jalan pintas baharu. 2. Menaiktaraf susur jalan atau persimpangan bulatan. 3. Mengaktifkan sistem rangkaian Lampu isyarat bersepadu pintar di kawasan bandar. 4. Pemantauan berkala dan tindakan pembaikan serta penyelenggaraan infrastruktur jalan raya yang mematuhi piagam. | Bahagian Perancangan Bandar dan Jabatan Kejuruteraan | x | x | |

TERAS 2 : PENYEDIAAN JARINGAN SISTEM PENGANGKUTAN DAN INFRASTRUKTUR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB <i>*peneraju utama</i> | TEMPOH | | |
|--|--|--|--|--------------------|------------------------|-------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG |
| 2. Menggalakkan Mobiliti Hijau Dan Masyarakat Rendah Karbon | <p>1. Menggalakkan penggunaan kenderaan hijau di kawasan perumahan (kurang sesuai) kawasan - kawasan komersial (pembetulan) dengan penyediaan kemudahan chargeEV</p> <p>Keutamaan parking kepada 'green vehicle' di premis-premis komersil, contoh mcm di Ikea, Sutera Mall</p> <p>2. Menyediakan kemudahan fasiliti dan infrastruktur kepada beberapa kawasan pemajuan perumahan Meletakkan syarat dalam kelulusan kepada pemaju/ pemohon untuk menyediakan kemudahan chargEV</p> | <p>1. Menggalakkan penggunaan kenderaan hijau dengan penyediaan kemudahan (chargEV) dibangunan - bangunan komersil</p> <p>2. Menyediakan laluan basikal dan pejalan kaki</p> <p>3. Menyelenggara, memantau lanskap dan menaik taraf kawasan.</p> <p>4. Menyelenggara, memantau dan menaiktaraf Kawasan hijau & Lanskap</p> | Bahagian Perancangan Bandar dan Pembangunan, Jabatan Kejuruteraan dan Bahagian Lanskap | x | x | |

TERAS 2 : PENYEDIAAN JARINGAN SISTEM PENGANGKUTAN DAN INFRASTRUKTUR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB *peneraju utama | TEMPOH | | |
|---|--|---|---|--------------------|------------------------|---------------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG (>3 thn) |
| 3. MENINGKATKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN INFRASTRUKTUR AWAM | Pelaksanaan program berdasarkan kepada dasar kerajaan Negeri cadangan projek MPKu dan syarat ke atas pembangunan di pihak pemaju | <p>Melaksanakan Projek bagi kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membina & menyelenggara hentian bas dan stesen bas. 2. Menyediakan Infrastruktur digital / infografik 3. Tanggungan Bas Muafakat Johor untuk penduduk Kulai | <p>1. Pengangkutan Awam Johor (PAJ) (bidangkuasa, peneraju utama dan dasar kerajaan negeri)</p> <p>2. Jabatan Perancang (Merancang Bandar dan pemberian syarat ke atas pemaju)</p> <p>3. Jabatan Kejuruteraan (Pelaksana Projek)</p> | X | X | |

TERAS 2 : PENYEDIAAN JARINGAN SISTEM PENGANGKUTAN DAN INFRASTRUKTUR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB <small>*peneraju utama</small> | TEMPOH | | |
|--|--|--|---|--------------------|------------------------|---------------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG (>3 thn) |
| 4. Menggalak penggunaan air kitar semula di bangunan-bangunan milik MPKu yang bertujuan pembersihan dan siraman pokok) | Meletakkan syarat pelaksanaan kepada pemaju untuk menyediakan sistem penuaian air hujan (SPAH) untuk kawasan perumahan, bangunan komersil dan bangunan/premis kerajaan | Penyertaan MPKu selaku PBT di dalam pertandingan Anugerah Kejiranan Hijau yang dipertandingkan KPKT secara tahunan | Jabatan Pembangunan | X | X | |

TERAS 2 : PENYEDIAAN JARINGAN SISTEM PENGANGKUTAN DAN INFRASTRUKTUR

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB <i>*peneraju utama</i> | TEMPOH | | |
|---|--|--|---|--------------------|------------------------|-------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG |
| 5. Membelanjakan duit caj pemajuan dengan mengutamakan inisiatif dan program /konsep pembangunan yang dilaksanakan jabatan perancang. | Program bandar selamat, bandar pintar, bandar rendah karbon, bandar mesra belia, IPMC, pelancongan alam sekitar, kejiranan hijau, rancangan pemajuan, dan lain - lain yang berkaitan | <p>1.Menjalankan projek pembangunan awam dan pembangunan semula Bandar termasuk penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam yang memberi faedah kepada masyarakat dalam Kawasan MPKu seperti menaiktaraf bangunan kemudahan masyarakat serta membina bangunan kemudahan masyarakat dan sebagainya,</p> <p>2.Melaksanakan kajian – kajian berkaitan perancangan pembangunan dan garis panduan MPKu,</p> <p>3.Menawarkan geran penyelidikan kepada penyelidikan yang menyumbang ke arah kemajuan, kesejahteraan, pemeliharaan kualiti Bandar dan desa bagi kawasan pentadbiran,</p> <p>4.Sebagai tabung persediaan MPKu untuk membiayai kos notis pembelian dan pengambilan tanah sebagaimana peruntukan Seksyen 37, Akta 172 dan Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi menjalankan projek pembangunan strategik dalam kawasan pentadbiran,</p> | Bahagian Perancangan Bandar | X | X | X |

TERAS 3: TADBIR URUS CEKAP, BERINTEGRITI DAN DINAMIK

Pengenalan

Tadbir urus cekap, berintegriti dan dinamik adalah intipati dalam memastikan setiap perancangan dapat direalisasikan dengan berkesan. Tumpuan utama teras ini adalah meningkatkan aspek berkaitan teknologi maklumat, sumber manusia, nilai serta etika dalam perkhidmatan, kualiti perkhidmatan dan penglibatan masyarakat dalam pembuatan keputusan.

Objektif Teras 3:

- Memaksimumkan penggunaan aplikasi digital dalam pentadbiran
- Meningkatkan tahap keupayaan dan kemahiran dalam penyampaian perkhidmatan
- Menyampaikan perkhidmatan berprestasi tinggi
- Mengukuhkan integriti dalam perkhidmatan
- Melibatkan masyarakat secara aktif dalam pembangunan daerah Kulai

TERAS 3: TADBIR URUS CEKAP, BERINTEGRITI DAN DINAMIK

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB <i>*peneraju utama</i> | TEMPOH | | |
|---|--|---|---|--------------------|------------------------------|------------------------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG |
| 1. Merangka dan melaksanakan ICT Strategic Plan (ISP) | 1.1 Merangka dan melaksanakan ICT Strategik Plan (ISP) bagi skop Plan Latihan ICT | 20 Modul ePBT bagi semua gred di MPKu | Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) | | X | X |
| | 1.2. Merangka dan melaksanakan ICT Strategik Plan (ISP) bagi skop Plan Perkhidmatan & Pengurusan Digital Johor / e-PBT Johor | 1. 20 Modul dinaik taraf 2. Peningkatan Penguatkuasaan Lesen 3. Pembayaran Secara Atas Talian | Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) | | X X X X | X X X X |

TERAS 3: TADBIR URUS CEKAP, BERINTEGRITI DAN DINAMIK

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB <i>*peneraju utama</i> | TEMPOH | | |
|---|---|---|---|--------------------|------------------------|---------------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG (>3 thn) |
| 1. Merangka dan melaksanakan ICT Strategik Plan (ISP) | 1.3 Merangka dan melaksanakan ICT Strategik Plan (ISP) bagi skop Plan Pembangunan Sistem & Aplikasi ICT | 1. 32 Modul Tambahan 2. Mematuhi MPSAS & 1PP 3. Semakan Maklumat Pelanggan 4. Semakan Maklumat Kontraktor / Pembekal 5. Semakan Maklumat Pemilik Kenderaan 6. e-Mesyuarat, e-Surat 7. Pelaporan Hasil & Belanja Secara Digital 8. Kecekapan Pengurusan Pelanggan 9. Membangun skala kecekapan & kemahiran penggunaan sistem dalam kalangan pengguna | Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) | X | X | X |
| | 1.4 Merangka dan melaksanakan ICT Strategik Plan (ISP) bagi skop Plan Pembangunan Laman Web & Emel Rasmi MPKu | 1. Mematuhi 32 Kriteria Laman Web 2. Capaian kepada Sistem MPKu berjaya dilakukan 3. Pemerksaan penggunaan Dwi Bahasa pada banner, artikel, dan isi kandungan laman web 4. Semua kakitangan mempunyai emel rasmi MPKu 5. Menerima maklumat tepat dari jabatan undang2 berkaitan undang-undang yang ditimbal guna di MPKu | Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) | X | X | X |

TERAS 3: TADBIR URUS CEKAP, BERINTEGRITI DAN DINAMIK

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJA WAB *peneraju utama | TEMPOH | | |
|---|---|---|--|--------------------|------------------------|---------------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG (>3 thn) |
| 1. Merangka dan melaksanakan ICT Strategic Plan (ISP) | 1.5 Merangka dan melaksanakan ICT Strategic Plan (ISP) bagi skop Plan Infrastruktur Dan Rangkaian ICT | 1. Memenuhi keperluan kriteria Star Rating bagi mencapai wajaran 0.50 untuk <i>disaster recovery</i> . 2. Menghubungkan Capaian Rangkaian Di antara Bangunan Blok A & B 3. Memudahkan Kerja - Kerja Penyelenggaraan dengan menyelaraskan semula VLAN ID untuk Setiap Perkakasan | Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) | | x | |
| | 1.6 Merangka dan melaksanakan ICT Strategic Plan (ISP) bagi skop Plan Kawalan Keselamatan & Pemantauan CCTV | 1. Menimbal Guna Dasar Keselamatan ICT Negeri Johor 2. Memenuhi keperluan kriteria Star Rating bagi mencapai wajaran 0.50 3. Memenuhi keperluan kriteria Inspektorat Keselamatan bagi mencapai wajaran 0.50 4. Teknologi Penguatkuasaan Secara Efisien | Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) | x | x | x |

TERAS 3: TADBIR URUS CEKAP, BERINTEGRITI DAN DINAMIK

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJA WAB *peneraju utama | TEMPOH | | |
|---|---|---|--|--------------------|------------------------|-------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG |
| 1. Merangka dan melaksanakan ICT Strategic Plan (ISP) | 1.7 Merangka dan melaksanakan ICT Strategik Plan (ISP) bagi skop Plan Program & Aktiviti ICT Anjuran MPKu | | Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) | | X | |
| | | 1. Menyediakan Perkakasan ICT & tetapan bagi Mesyuarat & Program Secara Fizikal | BTM | X | X | X |
| | | 2. Menyediakan Perkakasan ICT & tetapan bagi Mesyuarat & Program Secara Atas Talian | BTM | X | X | X |
| | | a. Tele-Cast | BTM | X | X | X |
| | | b. Live-Streaming | BTM | X | X | X |
| | | c. Broadcast | BTM | X | X | X |
| | | d. Video Conference | BTM | X | X | X |
| | | 3. Menyediakan Capaian Internet bagi Program Atas Lalian di luar Pbt | BTM | X | X | X |
| | | 4. Pemerkasaan Teknikal dalam Pbt | BTM | | X | X |
| | | 5. Pendedahan Teknologi Maklumat | BTM | | X | X |

TERAS 3: TADBIR URUS CEKAP, BERINTEGRITI DAN DINAMIK

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB <i>*peneraju utama</i> | TEMPOH | | |
|---|--|---------|--|--------------------|------------------------|---------------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG (>3 thn) |
| 1. Merangka dan melaksanakan ICT Strategic Plan (ISP) | 1.8 Merangka dan melaksanakan ICT Strategic Plan (ISP) bagi skop Plan Teknikal & Operasi ICT | | Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) | | | |
| | | | 1. Menyediakan Kemudahan Perkakasan ICT secara bersepadu | BTM | X | X |
| | | | 2. Menyediakan Kemudahan Alat Tulis ICT secara bersepadu | BTM | X | X |
| | | | 3. Pengurusan Rekod Aset ICT secara menyeluruh sejajar dengan arahan 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) | BTM | | X |

TERAS 3: TADBIR URUS CEKAP, BERINTEGRITI DAN DINAMIK

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJA WAB *peneraju utama | TEMPOH | | |
|---|--|--|--|--------------------|------------------------|-------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG |
| 1. Merangka dan melaksanakan ICT Strategic Plan (ISP) | 1.9 Merangka dan melaksanakan ICT Strategic Plan (ISP) bagi skop Plan Perkhidmatan ICT Kepada Komuniti | | Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) | | | |
| | | Penyediaan bilik latihan ICT | BTM | X | X | X |
| | | Mewujudkan pusat komputer komuniti di Pusat Komuniti Desa Kulai (PKDKu) | BTM | | X | X |
| | | Menyediakan Kursus ICT kepada komuniti | BTM | | X | X |
| | | Pembekalan perkhidmatan WIFI Johor | BTM | | X | X |
| | | Pembekalan komputer terpakai kepada komuniti | BTM | | X | X |
| | | Menyediakan penyewaan komputer riba kepada pelajar-pelajar yang memerlukan dengan kadar rendah | BTM | | X | X |
| | | Perkhidmatan ICT dan Multimedia dalam program MPKu dan komuniti (Penyediaan Layar, Tv dan perkakasan lain) | BTM | | X | X |

TERAS 3: TADBIR URUS CEKAP, BERINTEGRITI DAN DINAMIK

| INISIATIF | PROGRAM/ AKTIVITI | SASARAN | JABATAN BERTANGGUNGJAWAB <small>*peneraju utama</small> | TEMPOH | | |
|---|--|--|---|--------------------|------------------------|---------------------|
| | | | | PENDEK (<1 thn) | SEDERHANA (1-2 thn) | PANJANG (>3 thn) |
| 2. Pemantapan Bakat Melalui Peningkatan Kecekapan | 2.1 Mewujudkan pelan latihan MPKu 2.2 Mewujudkan pelan strategik sumber manusia MPKu | Pelaksanaan e-latihan Pelaksanaan Training Roadmap Pelan Penggantian | JKP | X | X | |
